

Talaq Tiga: Analisis Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah

Raihanah Hj. Abdullah

Abstract

Muslim jurists classify the pronouncement of triple talaq at the same sitting as talaq al-bid'ah. Some jurist are of the view that this form of talaq is revocable while others hold that it is irrevocable as soon as it is pronounced. In Malaysia, there is no provision regarding the above matter under the Islamic Family Law Enactments and so, if the case arises, the Court will decide upon it according to the Hukum Syara'. This article analyses the judgement of the Shariah Courts pertaining to the issue of triple talaq.

Pendahuluan

Pembubaran sesuatu perkahwinan boleh berlaku sama ada melalui lafaz talaq yang diucapkan oleh suami, melalui cara yang dituntut oleh isteri atau melalui perintah yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Biasanya perceraian melalui lafaz talaq merupakan cara yang paling mudah dilakukan berbanding dengan cara-cara yang lain. Ini kerana perceraian sebegini hanya memerlukan suami tersebut melafazkan talaq samada suami itu menceraikannya dengan sebab atau tanpa sebab yang munasabah. Manakala bagi perceraian melalui fasakh atau ta'liq sebagai contohnya memerlukan isteri tersebut membuktikan dakwaannya terhadap suami seperti tidak memberi nafkah untuk suatu tempoh yang tertentu, melakukan mudarat terhadap tubuh badannya, meninggalkan isteri lebih dari 4 bulan berturut-turut dan sebagainya.

Memandangkan perceraian secara talaq ini hanya memerlukan suami melafazkannya maka kerana itu Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia telah

memperuntukkan bahawa setiap permohonan perceraian perlu dikemukakan ke Mahkamah Syariah. Pihak Mahkamah akan memastikan bahawa pihak-pihak yang bertikai tersebut mempunyai sebab yang munasabah untuk bercerai. Perkara seperti ini sangatlah wajar bagi mengelakkan pihak suami melafazkan talaq terhadap isterinya secara sewenang-wenang. Tambah merumitkan lagi apabila perceraian tersebut menimbulkan banyak masalah terhadap isteri seperti isteri tidak dimaklumkan tentang perceraian tersebut, suami melafazkan talaq tiga sekaligus serta suami mengucapkan ungkapan-ungkapan perpisahan yang tidak jelas maksudnya. Ke semua ini biasanya berlaku apabila perceraian tersebut dilafazkan di luar Mahkamah. Dalam hal seperti ini, Mahkamah Syariah sangatlah berhati-hati dalam memutuskan penghakimannya.

Sehubungan dengan itu, artikel ini cuba untuk mengulas penghakiman Mahkamah Syariah terhadap kes-kes yang melibatkan lafaz talaq tiga yang diucapkan sekaligus. Beberapa penghakiman yang dilaporkan dalam *Jurnal Hukum* serta kes-kes yang tidak dilaporkan akan dijadikan sebagai contoh-contoh kes dalam ulasan ini.

Talaq Tiga

Dalam kebanyakan penulisan Fiqh, pembahagian talaq berdasarkan jenisnya terbahagi kepada dua iaitu *talāq sunnī* dan juga *talāq bid‘ī*. *Talāq sunnī* ditakrifkan sebagai lafaz talaq yang diucapkan oleh seorang suami mengikut sebagaimana yang disyariatkhan. Manakala *talāq bid‘ī* adalah lafaz talaq yang diucapkan oleh suami tidak mengikut apa yang disyariatkhan. Salah satu dari keadaan yang termasuk di dalam definisi *talāq bid‘ī* adalah melafazkan cerai dengan menggunakan lafaz “aku ceraikan engkau dengan talaq tiga” secara sekaligus atau pun diulang-ulang beberapa kali.¹

Para fuqaha² sebenarnya berselisih dalam menentukan kesan daripada lafaz talaq tiga yang diucapkan sekaligus ataupun diulang-ulang untuk beberapa kali. Di kalangan jumhur fuqaha ternyata mereka berpegang kepada fatwa yang dikeluarkan oleh ‘Uthmān ibn ‘Affān, ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb, Ibn Mas‘ūd dan Ibn ‘Abbās. Mereka berfatwa dengan mengatakan “sesiapa yang mentalaq isterinya dengan lafaz talaq tiga sekaligus, maka jatuhlah tiga”. Oleh yang demikian seorang suami yang telah melafazkan talaq kepada isterinya dengan talaq tiga sekaligus atau diulang-ulang melebihi daripada dua kali dalam satu masa sekalipun ia menyesal kemudiannya, maka mengikut pandangan pertama ini, perceraian tersebut menjadi *bā’in kubrā*. Kesannya adalah di mana pasangan suami isteri tersebut tidak boleh rujuk dalam tempoh ‘iddah, tidak boleh melakukan aqad perkahwinan semula

Talaq Tiga: Analisis Terhadap Penghakimam Mahkamah Syariah
melainkan isteri tersebut melalui proses *tahlīl*.

Manakala di kalangan fuqaha' Shi'ah Imāmiyyah mereka tidak bersetuju dengan pandangan yang pertama. Oleh itu talaq tersebut hanya akan jatuh satu-satu sahaja kerana ia dianggap sebagai *talāq bid'i* yang tidak mengikuti apa yang disyariatkan. Pandangan seperti ini juga sama seperti pandangan Abū Mūsā al-Ash'arī, Ibn Taymiyyah dan juga Ibn al-Qayyim.

Golongan pertama telah berhujah dengan bersandarkan kepada fatwa Khalifah 'Umar Ibn al-Khattāb sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muslim dan Ibn 'Abbas iaitu:

"Sesungguhnya talaq pada masa Rasulullah s.a.w, Abū Bakr dan dua tahun semasa pemerintahan 'Umar, talaq tiga akan menjadi satu. Maka berkata 'Umar ibn al-Khattāb, Sesungguhnya orang ramai telah mempermainkan dan terburu-buru dalam perkara di mana yang baik bagi mereka ialah dilambatkan dan difikir secara mendalam. Alangkah baiknya kalau kita tetapkan sahaja hukum talaq tiga atas mereka dan hukum tersebut diteruskan ke atas mereka."

Bagaimanapun bagi golongan kedua mereka berpegang kepada nas al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 229-230 yang dengan jelasnya menerangkan tentang proses talaq yang perlu dijatuhkan satu persatu mengikut bilangan yang ditetapkan. Selain itu mereka juga berpegang kepada sebuah ḥadīth yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas yang mengesahkan di mana Rasulullah s.a.w telah membenarkan Rukānah supaya merujuk kembali kepada isterinya, sekalipun ia telah menceraikan isterinya dengan talaq tiga dalam satu majlis. Bagi golongan ini mereka merasakan adalah wajar untuk berpegang kepada apa yang diputuskan melalui nas kerana itu adalah yang paling utama dituruti berbanding dengan fatwa 'Umar ibn al-Khattāb. Pandangan ini diterima oleh 'Alī bin Abī Tālib, Abū Mūsā al-Ash'arī, sesetengah mereka di kalangan fuqaha Zahīrī, para al-Tābi'in, Ibn Taymiyyah dan juga Ibn al-Qayyim. Menurut Ibn al-Qayyim pandangan seperti ini merupakan pandangan kebanyakan para Sahabat Rasulullah s.a.w.³

Talaq Tiga di Malaysia

Di Malaysia setakat ini tidak diperolehi secara tepat statistik tentang talaq tiga dalam satu waktu ataupun berulang-ulang. Apa yang ada hanyalah statistik perceraian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Kalau diperhatikan ternyata perceraian melalui talaq adalah merupakan kes yang paling banyak difailkan ke Mahkamah Syariah. Jadual 1 menunjukkan kes-kes perceraian mengikut pecahan jenis-jenisnya bagi negeri-negeri yang dinyatakan.

Jadual 1

Kadar perceraian mengikut jenis-jenisnya dari tahun 1990-1997

	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997
Melaka								
Cerai	-	118	133	119	127	137	116	-
Taaliq	-	79	73	143	145	81	91	-
Fasakh	-	31	24	51	39	18	12	-
Khulu'	-	-	-	-	1	2	3	-
Sah cerai	-	133	141	153	180	164	161	-
Perak								
Cerai					310	330	716	
Taaliq					128	157	162	
Fasakh					107	28	17	
Khulu'					7	6	9	
Sah cerai					137	150	285	
Sarawak								
Cerai						295	328	
Taaliq						137	136	
Fasakh						23	49	
Khulu'						-	-	
Sah cerai						138	197	
Selangor								
Cerai				1805	870	997		
Taaliq				664	313	450		
Fasakh				178	133	122		
Khulu'				3	1	6		
Sah cerai				179	464	364		
Kelantan								
Cerai						1444	1379	
Taaliq						443	427	
Fasakh						21	22	
Khulu'						-	-	
Sah cerai						-	-	
Perlis								
Cerai		-	-	-	13	84	126	133
Taaliq		33	30	29	5	-	2	-
Fasakh	-	1	4	1	30	41	66	74
Khulu'	35	1	1	6	2	4	2	7
Sah cerai	-	-	-	-	-	-	-	-

Sumber: Statistik Kes-kes Mal dari Mahkamah-mahkamah Syariah negeri-negeri yang dinyatakan.

Talaq Tiga: Analisis Terhadap Penghakimam Mahkamah Syariah

Kita dapat daripada Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa terdapat jumlah bagi kes-kes pengesahan cerai bagi negeri-negeri Melaka, Perak, Sarawak dan Selangor. Kes-kes pengesahan cerai ini adalah berkaitan dengan perceraian yang dilafazkan oleh suami tanpa kebenaran Mahkamah. Bagi kes-kes pengesahan cerai ini, tidak ada jumlah berkaitan dengan talaq tiga.

Walau bagaimanapun dalam kajian Abdul Jalil Hassan menyatakan bahawa talaq seperti ini jarang berlaku kerana orang ramai sedar akan kesannya yang berat.⁴ Walaupun kes seperti ini dikatakan tidak banyak berlaku namun penghakiman yang dibuat dalam kes seperti ini adalah jatuh talaq tiga. Bagi Ahmad Ibrahim, walaupun negara-negara Islam yang lain, Indonesia dan juga Pakistan telah menerima pandangan untuk mensabitkan satu talaq bagi kes seperti ini, namun Malaya (pada ketika itu) masih lagi berpegang kepada pandangan jumhur Fuqaha.⁵ Lantaran itu terdapat dua fatwa yang telah dikenalpasti secara terang menyatakan kesan daripada talaq sebegini.⁶ Dalam fatwa yang berbentuk Minit Mesyuarat Jawatankuasa Undang-undang Islam Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan (Tahun 1975-1986) menyebut:

Talaq tiga sekaligus itu jatuh talaq tiga sama ada talaq itu dalam keadaan paksa, main-main, marah dan mabuk

Manakala fatwa yang berbentuk soal jawab pula sebagaimana dalam *Fatwa Mufti Kerajaan Johor*, 1990, hal. 42 dinyatakan bahawa:

Talaq tiga di sisi ahli al-Sunnah dan al-Zaydiyyah ialah kalau mentalaq isteri dengan talaq tiga dengan satu lafaz atau pun berkata: Engkau ku talaq dengan tidak diqasadkan pada yang kedua dan yang ketiga itu untuk menguatkan atau pun mentalaq dengan satu talaq kemudian dalam beberapa ketika mentalaq pula satu talaq kemudian beberapa ketika mentalaq pula satu talaq.

Malang sekali kepada isteri sekiranya pandangan ini diterima dalam keadaan di mana suami tersebut melafazkannya dalam keadaan yang terburu-buru.⁷ Ini kerana talaq sebegini hanya berlaku di luar Mahkamah. Sekiranya seseorang memohon untuk perceraian di bawah Seksyen 47 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, maka talaq yang dibenarkan adalah talaq satu. Kalau diteliti di dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, maka ternyata tidak terdapat sebarang peruntukan berkaitan dengan talaq tiga yang dilafazkan dalam satu majlis atau yang diulang-ulang beberapa kali. Apa yang ada hanyalah *talaq raj'i* seperti dalam Seksyen 51 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. Dalam keadaan sebegini Mahkamah akan menggunakan hujah-hujah hukum syarak untuk mensabitkan satu-satu kes yang berhubung dengan talaq

tiga ini. Kita lihat bagaimana Mahkamah Syariah dalam penghakiman berkaitan dengan talaq tiga memutuskan sama ada jatuhan atau pun tiga.

Dalam kes *Ibrahim lwn. Fatimah*,⁸ si isteri telah diceraikan pada 5 November 1978. Si isteri mendakwa bahawa dia telah diceraikan dengan talaq tiga berdasarkan kepada percakapan suaminya. Bagaimanapun isteri tersebut menerangkan bahawa pada keadaan itu berlaku dia kurang sihat dan tidak berapa dengar percakapan suaminya. Peristiwa ini telah dimaklumkan kepada Imam Tawang dan membawa berjumpa dengan Kadi untuk membuat pengesahan. Pada ketika itu pengesahan tidak dapat dibuat kerana isteri tidak membawa wang untuk pembayaran pengesahan tersebut.

Bagaimanapun dalam keterangan suami menunjukkan bahawa suami telah melafazkan satu talaq sahaja. Oleh yang demikian suami telah merujuk kembali dengan isterinya dan rujuk tersebut didaftar. Malangnya suami tersebut telah menandatangani daftar nikah atas paksaan Imam Kandis yang mana beliau berpendapat bahawa suami tersebut telah menceraikan isterinya dengan talaq tiga. Suami tersebut sebenarnya seorang yang buta huruf semasa dia menandatangani daftar nikah tersebut. Suami telah ditangkap dan dituduh melakukan kesalahan khalwat apabila isterinya melahirkan seorang anak selepas dari suami itu merujuk isterinya.

Kadi di Mahkamah Rendah telah membuat keputusan terhadap kes ini dengan mengatakan suami telah menceraikan isterinya dengan talaq tiga. Oleh yang demikian suami tiada hak untuk rujuk kerana perceraian tersebut adalah *bā'in kubrā*. Keputusan Kadi ini adalah berdasarkan kepada surat cerai yang dikeluarkan oleh Imam Kandis.

Rayuan telah dibuat terhadap kes ini. Pihak Lembaga Rayuan telah membatalkan keputusan Kadi dan perayu telah disabitkan menceraikan isterinya dengan talaq satu. Jemaah Pengadilan berhujah bahawa tidak terdapat bukti yang terang dan yakin bahawa telah berlaku talaq tiga sebaliknya apa yang diyakini adalah talaq satu.

Sementara dalam kes *Haji Hanafiah lwn Rokiah*,⁹ Mahkamah Kadi Besar telah mensabitkan perceraian ke atas Haji Hanafiah dengan talaq tiga berdasarkan kepada apa yang ditulisnya, "Saya Haji Hanafiah b. Syafie dengan akal dan fikiran yang sempurna melafazkan bahawa aku cerai isteri aku Rokiah bt. Khalid yang tinggal di rumah No. 424, Kg. Tasik Junjung dengan tiga talaq adanya." Jawatankuasa Ulangbicara berpendapat bahawa:

segala catitan perbicaraan adalah nyata dan terang tetapi tentang hukum yang diambil daripada nas Fa'th al-Mu'iñ atau I'ānah al-Talibīn

tidak dijelaskan bagaimanakah cara mengeluarkan hukum daripada nas itu.

Jawatankuasa Ulangbicara tersebut telah mengkaji nas daripada *Fath al-Mu‘in* dan *I‘ānah al-Tālibīn* yang dikemukakan Mahkamah Kadi Besar. Nas tersebut berbunyi:

“Sekiranya ia (suami) menulis lafaz ṭalāq ṣariḥ (jelas) atau ṭalāq kināyah dengan tidak berniat melakukan talaq, tulisannya itu tidak diambil kira selama mana ia tidak menyebut lafaz yang ditulis secara jelas pada masa ia menulis atau selepasnya. Dakwaannya: saya bermaksud membaca apa yang ditulis akan tetapi saya tidak bermaksud melakukan talaq, dakwaannya itu diterima, kerana ada kemungkinan sedemikian.”

“Ringkasnya bahawa menyebut sesuatu yang ditulis tanpa berniat dikira berlaku talaq, kiranya lafaz yang disebutnya itu jelas. Sebaliknya jika lafaz yang disebut itu tidak jelas ianya hendaklah disertai dengan niat.” (*al-Bakri, I‘ānah al-Tālibīn*).

Jawatankuasa Ulangbicara berpendapat bahawa tulisan yang dikemukakan oleh suami tersebut walaupun *ṣariḥ* tetapi tidak berniat untuk menjatuhkan talaq, maka talaq tersebut tidak berlaku kerana ia hanya membaca tulisan tersebut tanpa sebarang niat untuk bercerai.

Haji Hanafiah telah membuat pengakuan di hadapan Jawatankuasa Ulangbicara bahawa dia sendiri yang menulis dan membaca surat cerai tersebut tetapi tidak berniat untuk menjatuhkan talaq. Beliau telah diminta bersumpah dengan mengatakan:

“Wallāh, Wabillāh, Watallāh, Demi Allah, bahawa aku Haji Hanafiah bin Syafie tidak berniat menjatuhkan talaq isteriku Rokiah binti Khalid tatkala aku menulis dan membaca surat cerai yang aku tulis dan serah kepada Haji Abdul Raof, Imam Masjid Kulim pada 27.2.1969.”

Setelah pihak Jawatankuasa berpuashati dengan alasan-alasan keterangan dan sumpah, maka talaq tersebut adalah tidak jatuh dan pendaftarannya dibatalkan.

Manakala dalam kes *Re Mohd Hussin bin Abdul Ghani dan Hazimah binte Md Yusof*,¹⁰ Lembaga Rayuan Syariah Kuala Lumpur telah membenarkan rayuan dan memutuskan:

“menggunakan pendapat mazhab Hanafi dan memandang kepada pendapat jumhur ulama mazhab itu dan perkembangan di negeri-negeri yang mengikut mazhab itu, bahawa lafaz talaq tiga sekaligus pada satu

masa oleh suami di dalam kes ini, menjatuhkan talaq satu sahaja, lebih-lebih lagi apabila terdapat isteri itu hamil pada masa lafaz itu”.

Apa yang berlaku di dalam kes ini ialah Y.A Mahkamah Rendah Syariah telah mensabitkan lafaz “Aku ceraikan awak dengan talaq tiga” dan berlakulah perceraian di antara Mohd Husin Abd. Ghani dengan isterinya dengan talaq tiga. Mahkamah Rendah Syariah memutuskan sedemikian berdasarkan kepada:

1. Pengakuan suami bahawa dia telah melafazkan cerai sedemikian dan dikira sebagai lafaz cerai yang sah mengikut Hukum Syarak.
2. Bertindak di bawah Seksyen 47 (3) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Dalam penghakiman Lembaga Rayuan Syariah, dinyatakan bahawa tidak terdapat sebarang peruntukan berkaitan dengan talaq tiga samada dari segi pendaftarannya ataupun dari segi kesannya apabila talaq tiga tersebut dilafazkan dalam satu majlis. Oleh yang demikian Lembaga Rayuan berpendapat dalam menyelesaikan isu samada lafaz cerai talaq tiga dalam satu majlis gugur tiga ataupun satu perlu dirujuk kepada sumber undang-undang Islam. Rujukan yang dibuat oleh Lembaga Rayuan ini sebelum membuat keputusan ialah:-

1. Surah al-Baqarah ayat 229 dan 230, serta surah al-Talāq ayat 1-2. Kedua-dua ayat ini adalah berkaitan dengan aturan-aturan cerai.
2. Dua buah ḥadīth yang masyhur berkaitan dengan isu ini iaitu:
 - i. dari Ibn ‘Abbas yang berkaitan dengan Saidina ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb telah menfatwakan hukum talaq tiga sekaligus sebagai talaq tiga sekalipun ia tidak berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w, Abū Bakar dan dua tahun permulaan Khalifah ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb.
 - ii. Dari Nāfi‘ b. Ujayr bin Yazīd b. Rukānah, di mana Rasulullah s.a.w telah memutuskan bahawa cerai Rukānah adalah jatuh satu berdasarkan niat Rukānah sendiri sekalipun ia telah menceraikan isterinya tiga kali dalam satu tempat.
3. Pandangan daripada rujukan-rujukan tertentu. Antaranya
 - i. Ḥamūdah al-‘Atī di dalam bukunya *The Family Structure in Islam* bahawa lafaz talaq yang tidak mengikut aturan-aturan Sunnah dianggap berlawanan dengan Sunnah. Ada ulama masa ini yang menyoalkan kepentingan dan relevannya keputusan Saidina ‘Umar di masa sekarang. Pandangan Ḥamūdah ini dirujuk kepada Muḥammad Abū Zahrah, Muḥammad al-Ghazālī dan ‘Alī Wāfi.
 - ii. Prof. T.M. Ash Shiddieqy di dalam bukunya *Hukum-Hukum Fiqih Islam*.

- iii. Sayyid Sābiq dalam bukunya *Fiqh al-Sunnah*, mengemukakan pandangan-pandangan ulama yang mengatakan *talāq bid'ah* itu adalah tidak sah.
- 4. Undang-undang di negara-negara Islam yang lain, seperti di Mesir, Sudan dan Pakistan
- 5. Kitab-kitab daripada Mazhab Ḥanafī seperti *al-Mabsūt* oleh al-Sarakhsī, *al-Badā'i'* *al-Ṣanā'i'* oleh al-Kāsānī dan juga *al-Hidāyah* oleh al-Marghinānī.

Kitab-kitab dalam Mazhab Ḥanafī tersebut walau bagaimanapun tidak dengan terang membenarkan talaq tiga sekaligus ataupun diulang-ulang sebagai talaq yang boleh disabitkan dengan satu. Bagaimanapun pandangan mereka ialah talaq tersebut boleh jatuh tiga sekiranya talaq tersebut diselang selama sebulan.

Manakala dalam kes *Mustafa bin Batcha lwn A. Habeeba*,¹¹ Jawatankuasa Ulangbicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan telah memutuskan supaya kes ini dibicarakan semula kerana keterangannya adalah tidak lengkap. Yang menariknya, Jawatankuasa ini telah menegur Y.A. Kadi kerana rekod perbicaraan tidak lengkap dan memuaskan dalam beberapa segi iaitu:

- 1. Saksi-saksi tidak dipanggil untuk memberi keterangan bagi pihak Yang Menuntut.
- 2. Tidak langsung dicatatkan latarbelakang kes dan suasana sebelum, semasa dan selepas perceraian bagi membantu keputusan yang adil dan tepat.
- 3. Beberapa fakta kes tidak dicatatkan sebagaimana yang didakwa oleh pihak Yang Menuntut seperti dia terkena sihir dan sedang berubat kampung.

Y.A Kadi dalam kes ini telah memutuskan berdasarkan *iqrār* yang mengatakan ia telah menceraikan isterinya dengan talaq tiga. Bagaimanapun pada pandangan Jawatankuasa, *iqrār* yang diperolehi dari pihak Perayu adalah tidak mutlak. Jawatankuasa telah merujuk kepada pandangan Ṣubḥī al-Mahmasānnī bahawa *iqrār* perlu diperolehi tanpa sebarang syarat, ikatan atau kait mengait dengan sebarang perkara sebagaimana yang didakwa di dalam kes ini.

Jawatankuasa ini tidak dapat memutuskan talaq tiga jatuh tiga atau satu kerana keterangan yang diperolehi adalah tidak mencukupi untuk diputuskan. Penghakiman yang dibuat lebih ditekankan kepada aspek keterangan dan bukannya kepada isu talaq tiga.

Begitu juga di dalam kes *Rojmah binti Abdul Kadir lwn. Mohsin bin Ahmad*,¹² Lembaga Rayuan Syariah Kuala Lumpur telah memerintahkan supaya perbicaraan diadakan semula di hadapan seorang Hakim yang lain disebabkan oleh terdapat banyak kecacatan di perbicaraan dan juga di dalam catatan perbicaraan.

Jawatankuasa merasa kesal apabila isu perceraian sebegini tidak ditangani secara teliti dan halusi. Ini berlaku apabila di dalam rekod perbicaraan, suami tersebut tidak berapa pasti tentang masa berlakunya perceraian tersebut. Tidak terdapat sebarang saksi untuk memberi keterangan bagi pihak suami. Jawatankuasa juga ada merujuk kepada kes sebelum ini iaitu *Re Mohd Hussin bin Abdul Ghani dan Lain-lain*. Jawatankuasa juga menyatakan bahawa tidak terdapat sebarang fatwa dan undang-undang berkaitan dengan talaq tiga yang akan menjadi satu. Oleh yang demikian pandangan Jumhur tentang isu tersebut akan dipakai. Walau bagaimanapun sebelum membuat sebarang keputusan, Mahkamah perlu berhati-hati dalam mensabitkan tiga menjadi tiga dan menelitinya secara terperinci.

Dalam kes *Mohamed bin Mohd Ali lwn. Roslina bt. Mohd Yusoff*,¹³ Mahkamah Ulang Bicara Syariah (Seremban) telah memutuskan tidak sabit talaq tiga kerana Mahkamah berpandangan bahawa perkataan yang digunakan oleh si suami iaitu ‘Saya rela ceraikan engkau’ yang diulang-ulang sebanyak tiga kali adalah sebagai *kināyah* dan memerlukan niat untuk mensabitkannya.

Mahkamah Ulang Bicara Syariah telah menegur catatan perbicaraan yang dibuat Yang Arif Hakim kerana didapati tidak lengkap. Tidak terdapat catatan mengenai keterangan daripada saksi-saksi dan juga sebab dan latarbelakang mengapa talaq tiga dijatuhkan.

Dalam penghakiman Mahkamah Ulang Bicara, hujah untuk tidak mensabitkan kepada talaq tiga jatuh tiga adalah berdasarkan kepada laras bahasa yang digunakan semasa perceraian tersebut dilafazkan. Pada pandangan Jawatankuasa perkataan ‘cerai’ belum lagi diertikan sebagai talaq melainkan dinyatakan niat suami yang melafazkannya. Mereka juga berhujah di dalam kes ini dengan menggunakan prinsip *al-tafwīd fi al-ṭalāq* dalam lafadz tersebut yang membawa maksud ‘jika engkau bencikan aku dan ingin bercerai, maka aku rela ceraikan engkau’. Penghakiman Jawatankuasa ini ditutup dengan memberi nasihat kepada pasangan tersebut agar tidak terburu-buru mengambil tindakan perceraian.

Di dalam kes *Yahya bin Longchek lwn. Nyonya binti Ali*,¹⁴ pihak yang menuntut telah mengaku melafazkan talaq terhadap isterinya Nyonya binti Ali dengan mengatakan ‘aku ceraikan kau dengan talaq satu itu yang kau mahu’. Kemudian selang 15 minit kemudian si suami melafazkan ‘aku ceraikan kau dengan talaq satu’. Perkataan sebegini diulang sebanyak 4 atau 5 kali. Beliau juga mengatakan bahawa beliau hanya bermaksud satu sahaja dan pengulangan ucapan talaq tersebut adalah untuk tujuan menguatkan kata-katanya sahaja. Semasa melafazkan talaq tersebut beliau berada dalam keadaan diri yang waras dengan kerelaan diri sendiri dan beliau faham akibat daripada lafadz tersebut. Manakala pihak yang kena tuntut pula mendengar dengan pasti dan jelas apa yang dilafazkan

oleh pihak plaintif dan semasa kejadian tersebut tidak terdapat saksi yang menyaksikan perkara tersebut.

Pihak Mahkamah seterusnya berhujah bahawa:

“Mengikut hukum syarak lafaz yang telah dilafazkan tersebut adalah lafaz yang terang dan jelas maksudnya. Walaupun dalam keterangannya pihak yang Menuntut mengatakan bahawa beliau bermaksud dengan satu talaq sahaja. Tetapi talaq adalah satu perkara yang serius yang tidak boleh dimain-mainkan. Sekiranya ia satu lafaz yang jelas dan terang samada ia berniat atau tidak berniat ianya tetap berlaku. Dalam keterangannya juga pihak Yang Kena Tuntut menyatakan bahawa ianya berlaku di luar rumah kediaman mereka. Dan ianya berterusan berlaku sehingga ketika mereka berada di dalam rumah.”

*Ini menunjukkan kepada Mahkamah ini bahawa ianya berlaku di tempat yang berlainan pada ketika itu. Mengikut Jumhur Ulama’, ianya dikira sebagai talaq tiga. Rujuk kepada kitab *Kifayah al-Akyār* muka surat 216 Juzuk 2 yang bermaksud: Seorang suami yang berkata kepada isterinya yang sudah dicampurnya engkau tertalaq, engkau tertalaq, engkau tertalaq dilihat dahulu, kalau sudah ia diam sejenak lebih daripada sekadar berdiam untuk bernafas dan sebagainya di antara dua talaq jatuh talaq tiga, lalu ia berkata, Aku bermaksud menguatkan kata-kataku, maka tidak diterima dakwaannya secara lahir dan ia harus tunduk dan jika ia tidak diam malah bermaksud menguatkan kata sebelumnya. Hanyalah satu talaq sahaja. Kalau ia bermaksud menyambung ucapananya maka jatuh talaq tiga.*

Oleh itu Mahkamah ini berdasarkan kepada kedua-dua belah pihak dan pengakuan pihak yang Menuntut dan juga hukum Syarak mensabitkan talaq dengan talaq tiga.”

Pihak Mahkamah telah menjatuhkan hukuman iaitu:

1. Mengesahkan lafaz cerai di antara Yahya Longchek dan Nyonya bt. Ali dengan cerai talaq tiga kali pertama berjumlah tiga talaq.
2. Kes ini dipanjangkan kepada pihak Pendakwa atas kesalahan perceraian di luar Mahkamah di bawah Seksyen 55A Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Kes ini bagaimanapun telah dibuat rayuan. Dalam petisyen rayuan, pihak respondan telah mengemukakan beberapa alasan ketidak puas hatinya terhadap keputusan Y.A Hakim Mahkamah Rendah. Alasan-alasan tersebut ialah:

1. Y.A dikatakan tidak teliti dengan kedudukan semasa lafaz talaq tersebut dikeluarkan. Ini adalah kerana lafaz talaq tersebut dibuat dalam satu majlis

- sekalipun ternyata ia dilafazkan di luar dan di dalam rumah.
2. Berdasarkan kepada sebuah ḥadīth yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud yang antaranya bermaksud iaitu “talaq yang dibuat berulang-ulang, maka ia bergantung kepada maksud si suami. Sekiranya suami tersebut berniat satu maka jatuhlah talaq satu dan begitulah sekiranya suami berniat tiga maka jatuhlah talaq tiga.”
 3. Hadīth tersebut dinukilkan di dalam *Subul al-Salām* oleh al-Imām Muhammād bin Ismā‘il, jilid 3, terbitan Dār al-Fikr, Beirut, tahun 1411H, hal. 332 dan 333, iaitu:

Maksudnya:

“Dan daripada Ibn ‘Abbās (r.‘a) bahawa Abū Rukānah telah menceraikan Umm Rukānah. Maka ia telah mengadu kepada Rasulullah s.a.w. Baginda bersabda: Rujuklah isterimu itu. Beliau menambah lagi, Tapi aku telah menceraikannya tiga talaq!. Baginda menjawab Aku tahu, tapi rujuklah dia”

Dalam lafaz Imām Ahmād (ḥadīth ini berbunyi): Abū Rukānah telah menceraikan isterinya dalam satu majlis sebanyak tiga kali. Kemudian ia menyesal. Maka Rasulullah s.a.w. menyifatkan perbuatannya itu sebagai satu talaq.

Dan satu lagi lafaz Imām Abū Dāwūd: Sesungguhnya Rukānah telah menceraikan isterinya Suhaymah dengan sekaligus. Berkata Rukānah: Demi Allah, aku sebenarnya bermaksud satu sahaja. Maka Rasulullah s.a.w. merujukkan isterinya kepada beliau.

Hadīth di atas secara jelas dan terang menunjukkan Rasulullah s.a.w. telah memutuskan bahawa talaq (tiga talaq atau lebih) di dalam satu majlis adalah mengakibatkan satu talaq sahaja, dan tidak lebih.

4. Ulasan yang sama dibuat oleh Dr. Wahbah al-Zuhaylī, di dalam *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, terbitan Dār al-Fikr, Kaherah, jilid 6, hal. 389. Beliau mengulas demikian:

maksudnya:

“Alif - Lafaz yang mutlak: apabila seorang suami berkata kepada isterinya” Engkau tertalaq atau *bā’iñ* atau sekaligus, maka bagi pendapat al-Mālikiyah, al-Shāfi‘iyah dan al-Ḥanābilah, jatuhlah talaq menurut niatnya, jika ia berniat dua talaq maka jatuhlah dua atau tiga talaq maka jatuhlah tiga. Ini seperti mana yang diriwayatkan dalam kisah Rukānah bin ‘Abd Yazīd yang telah menceraikan isterinya Suhaymah dengan sekaligus. Lalu peristiwa itu diceritakan kepada Rasulullah s.a.w. Rukānah berkata kepada Rasulullah: Demi Allah, aku hanya bermaksud satu. Maka

Rasulullah merujukkan isterinya kepadanya. Si isteri telah diceraikan kali kedua dalam zaman ‘Umar dan kali ketiga dalam zaman ‘Uthmān.

5. Y.A. telah khilaf mengenai niat satu talaq bagi lafaz berkali-kali dalam satu majlis dengan lafaz talaq berkali-kali dalam majlis yang berasingan. Memahami maksud nas perenggan di atas, Y.A. sepatutnya memutuskan jatuhnya satu talaq sahaja dan bukan tiga talaq kerana lafaz-lafaz yang diulang itu dibuat dalam satu majlis, dengan niat satu talaq sahaja.
6. Y.A. telah tidak mengemukakan suatu alasan yang kukuh dalam membuat keputusannya. Melainkan mengambil suatu pandangan berbentuk *ijtihādiyyah*. Sesuatu pandangan *ijtihādiyyah* lebih terdedah kepada khilaf fuqaha. Y.A sepatutnya menyandarkan hukumannya kepada nas yang kukuh sama ada daripada al-Quran ataupun al-Sunnah.

Bagaimanapun pada pertengahan tahun 1997, Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan telah mengeluarkan perintah yang sangat ringkas tanpa mengemukakan sebarang alasan. Perintah tersebut berbunyi.

“... Setelah mendengar hujah-hujah Perayu, dan setelah Mahkamah memeriksa semula keterangan Perayu dan pengakuan respondan, maka dengan ini Mahkamah Tinggi Rayuan membuat keputusan seperti berikut:

Mahkamah memerintahkan keputusan Hakim Mahkamah Rendah yang telah dibuat pada 29 Januari 1996 jatuh talaq tiga dipinda dan dihukumkan jatuh talaq satu.”

Melalui penghakiman tersebut ternyata lafaz talaq tiga dalam satu majlis diputuskan jatuh talaq satu. Penghakiman Mahkamah Tinggi nampaknya bersetuju dengan hujah-hujah yang dikemukakan pihak perayu dalam petisyennya.

Kalau diteliti tentang penghakiman dalam kes-kes cerai talaq tiga ini ternyata kecenderungan Mahkamah di peringkat perbicaraan adalah untuk mensabitkan jatuh talaq tiga. Nampaknya pihak-pihak yang terlibat tidak berpuashati dan Mahkamah di peringkat Rayuan pula cuba sedaya upaya untuk tidak mensabitkan dengan talaq tiga melainkan benar-benar berlaku dan yakin bahawa talaq tersebut adalah talaq tiga yang dikategorikan sebagai *bā’iñ kubrā*. Kerana itu kita dapat, Jawatankuasa Ulang Bicara sangat berhati-hati kerana kesan keputusan jatuh talaq tiga adalah besar terhadap pasangan yang terlibat. Tambahan pula Undang-undang tidak memperuntukkan mengenai kes seperti ini. Oleh yang demikian penghakiman dalam kes seperti ini adalah sangat penting kerana ia melibatkan alasan yang digunakan oleh pihak Mahkamah untuk mensabitkan satu atau jatuh tiga. Yang pastinya, pihak yang membuat rayuan mengharapkan kes seperti ini disabitkan dengan satu memandangkan perkara seperti ini adalah perkara *ijtihādiyyah*.

Dalam kajian awal yang dilakukan oleh Dr. Zaleha Kamaruddin terhadap keses talaq tiga di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Petaling bagi tahun 1998-2000,¹⁵ beliau mendapat hanya terdapat 7 kes yang melibatkan talaq tiga yang dilafazkan sekaligus. Ternyata lafaz sebegini dilakukan di luar Mahkamah. Ini memandangkan sekiranya perceraian melalui kebenaran Mahkamah, maka pihak Mahkamah akan memastikan bahawa lafaz talaq tersebut adalah berjumlah satu talaq. Pihak-pihak yang terlibat akan ke Mahkamah untuk mengesahkan perceraian. Maka pada peringkat inilah Mahkamah akan mengambil perhatian terhadap beberapa perkara iaitu:

Pertama iaitu sama ada perceraian melalui lafaz suami tersebut boleh disabitkan ataupun tidak. Mahkamah akan memastikan sama ada wujud lafaz *sarih* mahupun *kinayah* dalam perceraian tersebut. Sekiranya Mahkamah berpendapat lafaz tersebut adalah *sarih* maka niat tidak diperlukan. Sebaliknya jika lafaz tersebut *kinayah* dan suami pula mengakui berniat untuk menceraikan isterinya semasa lafaz tersebut diucapkan, maka Mahkamah akan mensabitkan lafaz tersebut dan berlakulah perceraian.

Kedua ialah sama ada Mahkamah perlu mensabitkan lafaz tersebut dengan talaq satu ataupun tiga. Dalam menentukan bilangan lafaz yang akan disabitkan, Mahkamah akan menentukan beberapa faktor yang perlu diambil perhatian sebelum keputusan dibuat. Antara faktor-faktor tersebut adalah berkaitan dengan sejarah hubungan antara kedua-dua belah pihak, keadaan semasa lafaz. Ini termasuklah keadaan suami ketika lafaz tersebut dibuat, kekesalan yang ditunjukkan oleh pihak suami dan juga jika terdapat keinginan untuk pihak-pihak tersebut kembali semula.

Pihak Mahkamah akan melihat sebarang *qarīnah* yang ada bagi menunjukkan bahawa pihak-pihak yang terlibat ingin bersungguh-sungguh kembali semula. Dalam keadaan ini Mahkamah akan mensabitkan lafaz talaq tiga yang dibuat secara sekali gus di luar Mahkamah sebagai jatuh talaq satu. Kes seperti ini disabitkan dalam 4 kes daripada 7 kes talaq tiga yang dilafazkan secara sekaligus. Seperti biasa dalam penghakiman tersebut, Mahkamah akan berpegang kepada nas daripada *hadīth* yang menceritakan kisah Abū Rukānah.

Kesimpulan

Daripada penghakiman kes-kes talaq tiga yang dinyatakan di dalam artikel ini, ternyata bahawa Mahkamah sangatlah berhati-hati untuk mensabitkan tiga sekiranya lafaz talaq tersebut dinyatakan sekaligus ataupun diulang-ulang untuk beberapa kali. Ini adalah kerana kes seperti ini tidak diperuntukkan di dalam Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Oleh yang demikian Mahkamah yang berdepan dengan

Talaq Tiga: Analisis Terhadap Penghakimam Mahkamah Syariah

kes-kes seperti ini perlu mengambil kira beberapa faktor agar keputusan menjatuhkan tiga tidak akan menimbulkan masalah kepada pihak-pihak yang terlibat. Ini memandangkan bahawa biasanya kes-kes seperti ini dilakukan dalam keadaan yang marah dan tidak sedar apa yang diucapkan. Jelasnya pensabitan kes-kes talaq tiga seperti ini perlu dinilai semula dengan mengambil kira nas-nas yang jelas dalam membahaskan isu ini, keputusan-keputusan terdahulu dalam kes yang seumpamanya serta prinsip-prinsip hukum seperti *maṣlahah*, *al-siyāsah al-syar‘iyyah* agar pihak-pihak yang terlibat tidak akan terasa aninya dengan keputusan yang diputuskan secara *ijtihādiyyah*. Apatah lagi di negara-negara Islam yang lain, peruntukan dalam kes seperti ini, Mahkamah akan mensabitkan jatuh satu dan bukannya tiga.

Nota Hujung

1. Abdul Rahman Taj, *al-Shari‘ah al-Islamiyyah fi al-Ahwāl al-Shakhsiyah*, Dār al-Ta’līf, Mesir, 1952, hal. 259.
2. Lihat perbincangan ini di dalam Abū Zahrah, *al-Ahwāl al-Shakhsiyah*, Dār al-Fikr al-Arabi, 1950, hal. 304-306; ‘Abd al-Wahhab Khalaf, *Ahkām al-Ahwāl al-Shakhsiyah fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*, Dār al-Qalam, Kuwait, 1990, hal. 137.
3. *Ibid.*
4. Abdul Jalil Hassan, “The Influence of the Shafi‘i School of Muslim Law on Marriage and Divorce in the Malay Peninsular with special reference to the State of Terengganu”, Ph.D Thesis, University of St. Andrews, 1969, diambil daripada Zaleha Kamaruddin, *Introduction to Divorce Laws in Malaysia*, IIUM, 1998, hal. 165.
5. Lihat Ahmad Ibrahim, *Islamic Law in Malaya*, Malaysian Sociological Research Institute Ltd, 1975, hal. 198.
6. Koleksi Fatwa bagi Projek Penganalisaan Fatwa-fatwa semasa di Malaysia di bawah pembiayaan Intensified Research on Priority Area (IRPA), Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Malaysia (1997-1999 No. 07-02-03-0403).
7. *Op.cit.*, Zaleha Kamaruddin.
8. (1980) 1 *JH* 74.
9. (1981) 2 *JH* 103.
10. (1990) 9 *JH* 189.

11. (1990) 7 *JH* 255.
12. (1991) 3 *MLJ* xxx.
13. (1993) 8 *JH* 275.
14. Kes Sivil / Mal Bil: 409/95. Terima kasih kepada Shafie Ngah & Co. kerana memberi kebenaran untuk mendapatkan data berkaitan dengan kes ini.
15. Zaleha Kamaruddin, "Kajian Kes Tentang Talaq Tiga: Penghakiman di Mahkamah Rendah Syariah, Petaling" artikel yang belum diterbitkan.